

24 MAR 2003

Parlimen-Iraq (Ketetapan)

DEWAN RAKYAT LULUS 7 KETETAPAN BANTAH SERANGAN AMERIKA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini meluluskan tujuh ketetapan dalam satu usul membantah tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq.

Usul yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dibahas selama tiga jam dan mendapat sokongan padu daripada 15 anggota dewan termasuk wakil-wakil pembangkang.

Mereka sebulat suara bersetuju bahawa Dewan Rakyat;

* Mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq;

* Menggesa Amerika Syarikat dan sekutunya menamatkan tindakan ketenteraan secara unilateral ke atas Iraq dengan serta merta;

* Menggesa semua pihak yang berkenaan supaya berusaha sedaya upaya untuk segera kembali kepada proses penyelesaian secara aman dalam memastikan Republik Iraq mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan, jika didapati benar Iraq memiliki senjata pemusnah;

* Mendesak supaya Amerika Syarikat dan sekutunya menghormati hak asasi manusia rakyat Iraq dan prinsip-prinsip undang-undang kemanusiaan antarabangsa, khususnya "Geneva Convention relative to the Protection of Civilian Persons in Time of War";

* Memutuskan (agar) Malaysia bekerjasama dengan negara-negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan negara-negara yang sependapat untuk mendukung prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menangani isu berkaitan hubungan antara negara;

* Merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya menghulurkan bantuan kecemasan kepada rakyat Republik Iraq dengan segera; dan,

* Supaya dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Dewan Perundangan dan Parlimen yang berkenaan khususnya Amerika Syarikat, Britain, Sepanyol dan Australia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semasa menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan, berkata walaupun tidak semua anggota Parlimen berpeluang berucap, mereka semuanya bersetuju dengan usul yang dibawa oleh Dr Mahathir.

"Yang pentingnya Dewan Rakyat...Parlimen Malaysia mempunyai kesatuan dalam menentukan pendapat Malaysia," katanya.

Syed Hamid berkata Parlimen merupakan tempat untuk menyatakan suara rakyat Malaysia bagi menegakkan keluhuran undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menjadi asas untuk melindungi keamanan bagi tujuan kebaikan negara kecil dan negara yang lemah.

Katanya suara rakyat Malaysia bukanlah suara yang terpinggir tetapi sebenarnya suara di aliran utama pendapat rakyat dunia.

"Walaupun pendekatan kita berbeza tetapi yang penting ialah kita menentang peperangan atas asas ia tidak diberikan mandat oleh PBB, dan peperangan ini juga adalah untuk menukar rejim dan tidak ada usul yang membolehkan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk mengambil tindakan bagi menukar rejim," katanya.

Sambil menjelaskan bahawa tindakan itu satu perkara yang di luar bidang undang-undang dan bertentangan dengan prinsip undang-undang antarabangsa, Syed Hamid berkata Amerika dan sekutunya telah menidakkan Resolusi 1441 PBB yang memerlukan pemeriksa membuat pemeriksaan, dan jika tidak berpuas

hati, untuk diadakan resolusi kedua.

Beliau berkata Malaysia serta beberapa negara lain sudah beberapa kali mencadangkan supaya PBB disusun semula tetapi ia tidak dipersetujui anggota tetap Majlis Keselamatan PBB menyebabkan ia tidak dapat dilaksanakan.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata tempat paling utama sekali ialah di peringkat akar umbi iaitu rakyat dan masyarakat antarabangsa mesti bergerak secara bersama.

"Suara rakyat perlu digembleng untuk memberitahu Amerika supaya mereka menghentikan peperangan yang tidak adil ini, zalim dan membawa kemusnahan harta benda dan juga mengorbankan nyawa yang tidak berdosa," katanya.

Dalam reaksi terhadap pembentangan usul membantah tindakan unilateral Amerika itu, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berharap pendirian Malaysia sebagai pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, yang menentang peperangan di Iraq, dapat disampaikan kepada kesemua anggota pergerakan itu.

Katanya, Malaysia juga mendesak agar peperangan di Iraq dapat dihentikan dengan segera kerana ia turut membabitkan rakyat awam yang tidak berdosa.

Malah, kata Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno, sokongan yang ditunjukkan oleh pihak pembangkang tentang usul kerajaan menentang peperangan itu membuktikan kematangan mereka.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau akan mengarahkan anggotanya untuk menghantar surat kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di seluruh dunia, memaklumkan tentang pendirian kerajaan Malaysia.

Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata cawangan-cawangan Wanita Umno akan diminta untuk mengumpul keperluan seperti selimut untuk diserahkan kepada Wisma Putra untuk diberikan kepada rakyat Iraq.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu pula berkata partinya khuatir jika serangan itu dibiarkan, ia akan membawa padah kepada negara-negara yang lemah dan kecil.

"Kita bimbang ia akan digunakan sebagai satu landasan untuk menyerang negara lain yang dianggap `berbahaya' kepada Amerika dan sekutunya," katanya.

Samy Vellu berkata MIC mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan unilateral itu dan menyokong usul Perdana Menteri supaya Amerika dan sekutu-sekutunya menamatkan serangan terhadap Iraq serta-merta.

-- BERNAMA

HS MAM MAI